

05/10/2001

Seperti perang Islam: PM (HL)

Kadir Dikoh; Saidon Idris

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia berpendirian sebarang serangan Amerika Syarikat terhadap negara Islam yang disyaki melindungi penganas, sama seperti peperangan terhadap Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Amerika akan berperang dengan keseluruhan negara Islam jika ia bertindak sedemikian.

"Ini kerana identiti penganas dan di mana mereka berada tidak diketahui, walaupun ada juga laporan menyebut mereka adalah keturunan Arab, tetapi tinggal di Amerika.

"Jadi secara teknikal, anda boleh membuat definisi bahawa Amerika melindungi penganas... sudah tentu tidak begitu. Kita tidak tahu siapa mereka dan di mana mereka berada," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Tindakan Ketua Eksekutif (CEO) bagi Industri Pengetahuan dan Mapan 2001 di sini, hari ini.

Perdana Menteri, bagaimanapun yakin kuasa besar itu tidak akan menyerang negara Islam berikutan jaminan Washington bahawa peperangan itu adalah terhadap penganas, bukan terhadap Islam.

"Jika anda berperang dengan semua negara Islam, makna ia sudah menjadi peperangan terhadap Islam, tetapi mereka (Amerika) memberi jaminan kepada kita, ia tidak akan berbuat demikian," katanya.

Dr Mahathir dan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, dalam perbualan telefon baru-baru ini bersetuju berbincang secara lanjut isu keganasan antarabangsa apabila bertemu pada Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, China pada 20 hingga 21 Oktober ini.

Bush turut melahirkan penghargaan kepada Malaysia kerana sokongannya kepada tindakan Amerika terhadap keganasan.

Kelmarin, Presiden Iran, Mohammad Khatami pula menghubungi Dr Mahathir dan mahukan kalangan negara Islam menyatakan pendirian bersama bagi menentang keganasan selain tindakan dan penyelesaian secara global.

Dr Mahathir mengesahkan menerima panggilan telefon daripada Khatami yang mengajak diadakan muafakat di kalangan negara Islam ketika sesi luar biasa bagi Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar minggu depan.

"Presiden Iran telefon kerana kita nak adakan satu mesyuarat OIC di Qatar dan dia nak supaya kita ada kata sepakat. Nampaknya pendirian kita dengan Iran tak banyak berbeza.

"Kita semua menyokong usaha membanteras penganas, kita menentang peperangan dan kita berpendapat keganasan boleh ditangani atau dikalahkan dengan mencari jalan kepada punca tindakan ganas," katanya.

Beliau menjelaskan, Malaysia sebenarnya bukanlah menentang Taliban, tetapi terhadap penganas yang perlu diburu.

Terdahulu ketika sesi dialog pada majlis itu, Dr Mahathir berkata, sebarang kejadian seperti berlaku ke atas New York dan Washington 11 September lalu, turut membuka peluang perniagaan.

Katanya, memandangkan Malaysia negara aman dan stabil serta kedudukannya tidak berdekatan Afghanistan, ia mungkin memberi kelebihan dari segi pilihan pelabur.

(END)